



SIARAN MEDIA

KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN



KBS : 48/2024

RAKAN MUDA: KBS AGIH DANA BAGI PELAKSANAAN PROGRAM DAN AKTIVITI DI BAWAH SEKRETARIAT RAKAN MUDA INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI (SRM IPT) BAGI TAHUN 2024

1. **YB Hannah Yeoh, Menteri Belia dan Sukan** telah menyempurnakan **Majlis Penyerahan Dana Sekretariat Rakan Muda Institusi Pengajian Tinggi (SRM IPT)** bertempat di **Menara KBS, Putrajaya**, hari ini.
2. Majlis ini diadakan untuk menyerahkan peruntukan bagi **pelaksanaan program dan aktiviti Rakan Muda oleh SRM IPT** susulan pengumuman YB Hannah Yeoh ketika lawatan kerja rasmi ke Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA), Gambang **pada 13 Februari 2024**.
3. Untuk fasa pertama, KBS telah menerima **39 permohonan** daripada **28 SRM IPT**. KBS telah mempertimbang dan meluluskan **16 permohonan** berjumlah **RM280 ribu** bagi fasa ini tertakluk kepada peraturan dan tatacara kewangan semasa yang sedang berkuat kuasa. Untuk fasa kedua, KBS sedang menilai **59 permohonan** bernilai **RM1.18 juta** daripada **23 SRM IPT**. Senarai penuh penerima bantuan bagi **fasa pertama** adalah seperti di **LAMPIRAN A**.
4. Bantuan kewangan ini diperuntukkan kepada **SRM IPT** untuk **menjalankan program dan aktiviti Rakan Muda berteraskan 10 Gaya Hidup Rakan Muda** iaitu Rakan Aktif, Rakan Bumi, Rakan Demokrasi, Rakan Digital, Rakan Ekspresi, Rakan Litar, Rakan Mahir, Rakan Muzik, Rakan Niaga dan Rakan Prihatin.

5. SRM IPT merupakan sekretariat khusus yang ditubuhkan di **Institusi Pengajian Tinggi (IPT) awam dan swasta** bertujuan untuk melaksanakan program dan aktiviti Rakan Muda. Pada masa ini, terdapat sebanyak **84 SRM IPT** yang berdaftar. Aktiviti-aktiviti yang dijalankan dapat menyerlahkan potensi dan membentuk sahsiah dan jati diri yang baik dalam kalangan pelajar IPT.
6. Inisiatif SRM IPT bertujuan untuk:
 - 6.1 menyelaraskan dan melaksanakan **program dan aktiviti Rakan Muda** secara terus, inklusif dan signifikan di IPT;
 - 6.2 memperkukuhkan **penjenamaan Rakan Muda** dalam kalangan anak muda terutamanya di IPT; dan
 - 6.3 membuka peluang kepada mahasiswa dan mahasiswi untuk menganjurkan **program dan aktiviti Rakan Muda mengikut acuan tersendiri** berteraskan **10 Gaya Hidup Rakan Muda**.
7. Pemberian bantuan kewangan untuk menjalankan program dan aktiviti Rakan Muda ini dijangka akan **menyemarakkan lagi pelaksanaan inisiatif Rakan Muda** seiring dengan hasrat yang digariskan di bawah kerangka **Malaysia MADANI** dan **Model Pembangunan Belia MADANI 2030 (MPBM 2030)**.
8. Pada masa yang sama, sesi *town hall* di antara **Jabatan Belia dan Sukan Negara (JBSN)** bersama **perwakilan SRM IPT** turut diadakan bagi bertukar-tukar idea, pandangan dan aspirasi terutamanya melibatkan program Rakan Muda.
9. KBS juga mengalu-alukan lebih banyak IPT awam dan swasta untuk mendaftarkan SRM di bawah institusi masing-masing supaya dapat mempergiatkan lagi aktiviti Rakan Muda dalam kalangan belia di IPT.

10. Majlis turut dihadiri oleh **Ketua Setiausaha KBS, YBhg. Ts. Dr. Nagulendran Kangayatkarasu** dan **Ketua Pengarah JBSN, YBrs. Tuan Mohd Azhari Mohammad**.

11. Untuk maklumat lanjut berkaitan SRM IPT, sila hubungi sekretariat di talian **03-8871 3324** atau e-mel **jbsn@kbs.gov.my**.

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN**

30 Julai 2024

LAMPIRAN A**SENARAI PENERIMA DANA BAGI PELAKSANAAN PROGRAM DAN
AKTIVITI DI BAWAH SEKRETARIAT RAKAN MUDA INSTITUSI PENGAJIAN
TINGGI (SRM IPT) BAGI TAHUN 2024**

BIL	SRM IPT
1.	Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)
2.	Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)
3.	Universiti Sains Malaysia (USM)
4.	Universiti Malaysia Kelantan (UMK)
5.	Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA)
6.	Universiti Multimedia Kampus Cyberjaya (MMU Cyberjaya)
7.	Universiti Tenaga Nasional Kampus Sultan Haji Ahmad Shah (UNITEN KSHAS)
8.	Universiti Kuala Lumpur Malaysian Institute of Marine Engineering Technology (UniKL MIMET)
9.	Kolej Komuniti Rompin
10.	Kolej UNITI
11.	Politeknik Mukah
12.	Institut Kemahiran Tinggi Belia Negara Temerloh (IKTBN Temerloh)
13.	Institut Kemahiran Belia Negara Naka (IKBN Naka)
14.	Institut Kemahiran Belia Negara Wakaf Tapai (IKBN Wakaf Tapai)
15.	Institut Kemahiran Belia Negara Kuala Perlis (IKBN Kuala Perlis)
16.	Institut Kemahiran Belia Negara Miri (IKBN Miri)